

# HOSPITAL PUTRAJAYA

## A. PESAKIT DALAM

### KADAR CAJ DAN DEPOSIT KEMASUKAN WAD

Kategori		Caj Wad Sehari	Caj Rawatan Sehari	Deposit		
				Perubatan	Pembedahan	Perbidanan & Sakit Puan
				(RM)	(RM)	(RM)
<b>1. Orang Awam</b>						
Kelas 1	Bilik 1 katil	120.00	15.00	700.00	1,100.00	800.00
	Bilik 2 katil	90.00				
	Bilik 4 katil	60.00				
<b>2. Warganegara Asing</b>						
Kelas 1	Bilik 1 katil	320.00	100.00	7,000.00	11,000.00	7,000.00
	Bilik 2 katil	240.00				
	Bilik 4 katil	200.00				
<b>SEMUA CAJ BAGI WAD/RAWATAN DI HOSPITAL PUTRAJAYA ADALAH PADA KADAR KELAS SATU</b>						
<ul style="list-style-type: none"> <li>· Pesakit dikehendaki membayar deposit tambahan jika bil hospital telah melebihi jumlah deposit yang dibayar</li> <li>· Pesakit yang dikenakan bayaran deposit kemasukan wad:               <ul style="list-style-type: none"> <li>o Orang Awam</li> <li>o Warganegara Asing</li> <li>o Agensi yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)</li> <li>o Penjawat Awam yang memohon wad yang lebih tinggi dari kelayakan asal</li> </ul> </li> </ul>						
<b>3. Penjawat Awam</b>						
<p>3.1. Bayaran wad bagi pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam atau ahli keluarga/ibu bapa yang sah dimansuhkan berkuatkuasa 1 April 2010 (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2010).</p> <p>3.2. Permohonan menaiktaraf ke wad yang lebih tinggi dari kelayakan asal boleh dipertimbangkan dan tertakluk kepada kekosongan katil. Caj wad pada kadar orang awam dan deposit akan dikenakan seperti kadar di bawah:</p>						

Kategori		Deposit	Caj Wad Sehari
		(RM)	(RM)
Kelas 1	Bilik 1 katil	300.00	120.00
	Bilik 2 katil	200.00	90.00
	Bilik 4 katil	-	60.00

## B. PESAKIT LUAR PAKAR

### 1. Orang Awam

1.1. Rujukan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan:

Jenis Lawatan	Caj Bagi Satu Lawatan	
Lawatan Pertama	Percuma	Termasuk segala siasatan
Lawatan Susulan	RM5.00	

1.2. Rujukan daripada Pengamal Persendirian:

Jenis Lawatan	Caj Bagi Satu Lawatan	
Lawatan Pertama	RM30.00	Tidak termasuk siasatan
Lawatan Susulan	RM 5.00	

1.3. Kes-kes “follow-up” yang telah keluar daripada wad:

Jenis Lawatan	Caj Bagi Satu Lawatan	
Setiap lawatan	RM5.00	Termasuk segala siasatan

### 2. Warganegara Asing

Jenis Lawatan	Caj Bagi Satu Lawatan	
Lawatan Pertama	RM120.00	Tidak termasuk siasatan
Lawatan Susulan	RM120.00	

## C. SURAT PENGESAHAN/JAMINAN MAJIKAN/JABATAN

Surat pengesahan/jaminan majikan/jabatan/sekolah hendaklah dikemukakan pada setiap kali kemasukan ke wad.

## **1. Penjawat Awam**

- 1.1. **Pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam** akan dikenakan caj mengikut kadar orang awam sekiranya surat pengesahan majikan atau kad pesara tidak dikemukakan semasa pendaftaran/kemasukan ke wad.
- 1.2. Surat pengesahan majikan yang dibawa oleh pesakit atau yang terdapat dalam Sistem HRMIS (bagi jabatan yang berkaitan) hendaklah lengkap dan kemaskini. Maklumat gred jawatan pegawai hendaklah tepat.

## **2. Pekerja Swasta**

**Pekerja Swasta [bagi syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)]** akan diminta untuk membayar deposit sekiranya surat pengesahan/jaminan majikan tidak dikemukakan semasa pendaftaran/kemasukan ke wad.

## **D. PULANGAN DEPOSIT**

Permohonan untuk mendapatkan pulangan lebih deposit, boleh dilakukan di Kaunter Bayaran Bil, Unit Hasil pada waktu pejabat, hari bekerja biasa iaitu setelah pesakit didiscaj dan bil hospital dijelaskan sepenuhnya. Resit asal dan surat wakil (bagi yang berkaitan) hendaklah dikemukakan semasa membuat permohonan.

## **E. BAYARAN**

Bayaran bil hospital boleh dibuat 24 jam setiap hari, maklumat lanjut adalah seperti di perenggan F. Pesakit atau waris pesakit diingatkan supaya menjelaskan bayaran bil hospital sebelum meninggalkan hospital.

Kaedah Bayaran:

1. Tunai
2. Cek (agensi yang berdaftar dengan KKM sahaja)
3. Wang Pos
4. Kad Kredit
5. Kad Debit
6. Internet Banking

Bayaran melalui cek (bagi agensi yang berdaftar dengan KKM) dan wang pos hendaklah dibuat atas nama "Pengaroh Hospital Putrajaya".

Alamatkan kiriman kepada:

**Pengaroh  
Hospital Putrajaya  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Presint 7  
62250 PUTRAJAYA  
(U/P: Unit Hasil)**

## F. WAKTU DAN TEMPAT BAYARAN

<b>Bil</b>	<b>Kaunter</b>	<b>Hari dan Waktu Operasi</b>	<b>Catatan</b>
i.	Kaunter Pendaftaran Kemasukan Wad / Bayaran Bil	Isnin hingga Jumaat 7.00 pagi hingga 8.30 malam	Pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum, Kaunter Pendaftaran Kemasukan Wad turut berfungsi sebagai Kaunter Bayaran Bil.
		Sabtu 8.00 pagi hingga 3.30 petang	
		Ahad dan Cuti Umum 8.00 pagi hingga 3.30 petang	
ii.	Kaunter Pendaftaran Jabatan Kecemasan dan Trauma	Isnin hingga Ahad dan Cuti Umum 24 jam	Semasa kaunter (i) dan (ii) tidak beroperasi, sila berurusan di Kaunter Pendaftaran Jabatan Kecemasan dan Trauma.